



## **TEKS UCAPAN**

**TUAN RAJA MAZELAN BIN RAJA DERAMAN**

**KETUA PENDAKWA SYARIE**

**JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN**

**AMANAT KETUA PENDAKWA SYARIE**

**NEGERI SEMBILAN**

**TAHUN 2023**

## **TARIKH**

**18 JANUARI 2023 (RABU)**

## **TEMPAT**

**CASA LAGENDA CONVENTION CENTRE**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

➤ **Terima kasih kepada Pengacara Majlis**

➤ **Yang Berusaha**

**(1) Ketua Penolong Pengarah BPPR**

**Tuan Rohaizad bin Redzuan**

**(2) Ketua Penolong Pengarah BPRD**

**Tuan Mohd Azizuddin bin Abdullah Halim**

**(3) Ketua Penolong Pengarah BPP**

**Tuan Zarul Izham bin Jaapar**

**(4) Ketua Penolong Pengarah BKP**

**Puan Nor Bazilah binti Abdul Basir**

**(5) Pendakwa-Pendakwa Syarie**

**(6) Dan semua Warga Kerja JPeNS yang dirahmati Allah**

**SWT**

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah segala puji saya rafa'kan ke hadrat Allah S.W.T Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W yang membawa rahmat ke seluruh alam, ahli keluarga serta para sahabat Baginda.
2. Marilah sama-sama kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya juga dapat kita semua berhimpun dalam **Majlis Amanat Ketua Pendakwa Syarie Negeri Sembilan Tahun 2023**.
3. Terlebih dahulu saya merakamkan kesyukuran di atas jalinan kerjasama yang baik di antara pentadbiran JPeNS dengan Kelab Kebajikan dan Sukan JPeNS (K-JPeNS) menatijahkan kejayaan penganjuran program kita pada kali ini.
4. Majlis pada hari ini selain daripada ingin menyampaikan hasrat dan amanat saya, majlis ini juga bertujuan untuk menghargai sumbangan dan tenaga yang dicurahkan oleh tuan-tuan dan puan-puan kepada Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan yang menjadi tulang belakang dan membantu saya mencapai kecemerlangan JPeNS. Sumbangan tuan-tuan dan puan-puan amat besar bagi saya selama menjawat sebagai Ketua Pendakwa Syarie dalam tempoh 3 tahun ini.
5. Saya percaya kepada semangat kerja berpasukan. Semua daripada kita mempunyai peranan untuk bukan sahaja memimpin Jabatan ini ke hadapan tetapi setiap seorang dari kita mempunyai tanggungjawab membawa Jabatan ini terus cemerlang dan gemilang. Saya amat berbesar hati mengucapkan jutaan penghargaan kepada seluruh warga kerja JPeNS atas komitmen dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik

## **PENCAPAIAN 2022**

### **TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN**

6. Pelbagai kejayaan yang telah dicapai oleh JPeNS pada tahun 2022 berkat daripada komitmen, kesungguhan dan kerjasama daripada tuan puhan sekalian. Antaranya ialah:
  - i. Pencapaian pertama : Peningkatan penyelesaian kes pada tahun 2022 iaitu sebanyak **1,451 kes berjaya** diselesaikan dengan kutipan jumlah denda **RM1,592,300.00**.
  - ii. Pencapaian kedua : Peratus perbelanjaan mengurus JPeNS mencapai **97.28%** dengan jumlah peruntukan sebanyak RM3.2 juta dan pencapaian ini telah melepas KPI yang ditetapkan;
  - iii. Pencapaian ketiga : Bahagian Penyelidikan Perundangan (BPP) telah berjaya mendapatkan dana atau geran penyelidikan sebanyak **RM55,000** dari pihak MAINS bagi menjalankan penyelidikan yang bertajuk “Keperluan Penubuhan dan Pewartaan Pusat Pemulihan bagi Pesalah Jenayah Syariah di Negeri Sembilan”. Penyelidikan yang dijalankan secara kolaborasi bersama MAINS dan Fakulti Undang-Undang UKM ini merupakan projek penyelidikan pertama Jabatan ini.
  - iv. Pencapaian keempat : Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan dan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan telah ditandatangani pada 23 November 2022 yang bertujuan untuk mewujudkan hubungan yang

lebih erat di antara dua agensi Agama Islam dan perkhidmatan hal ehwal Islam yang bermanfaat kepada masyarakat;

7. **Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua.** Pencapaian baik ini perlu diteruskan. Kita kena pastikan pencapaian yang kita capai tahun lepas dipertingkatkan.

### **HALA TUJU DAN FOKUS 2023**

#### **TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN**

8. Pada tahun ini, amanat saya selaku Ketua Pendakwa Syarie bakal membuka tirai bagi segala perancangan dan perlaksanaan hala tuju kita pada tahun 2023. Antaranya ialah:

(i) **PEMAKAIAN ARAHAN KETUA PENDAKWA SYARIE NEGERI SEMBILAN TAHUN 2022**

Jabatan buat pertama kali telah mewujudkan Arahan Ketua Pendakwa Syarie Negeri Sembilan Tahun 2022 yang telah berkuatkuasa pemakaiannya pada 3 Januari 2023. Arahan Ketua Pendakwa Syarie ini adalah suatu dokumen bertulis yang dikeluarkan oleh Ketua Pendakwa Syarie berkaitan dengan prosedur atau polisi yang mana ia perlu diikuti dan dipatuhi. Arahan ini merupakan suatu pendekatan baru untuk menyelaraskan dan menyeragamkan proses kerja serta memudahkan para Pendakwa Syarie membuat rujukan.

## **(ii) PELAKSANAAN PELAN STRATEGIK JPeNS 2023-2027**

Pelan Strategik JPeNS telah dirangka bagi perancangan jangka panjang untuk tempoh lima tahun dalam mencapai visi Jabatan iaitu Menjadi Agensi Berwibawa Dalam Memperkasakan Pendakwaan Syariah. Pelan ini harus dihayati dan dilaksanakan dengan iltizam yang bersungguh-sungguh di kalangan semua warga JPeNS bagi memastikan matlamat kejayaan terus tercapai. Saya berharap Pelan Strategik ini akan menjadi suatu dokumen penting sebagai panduan kepada semua warga JPeNS dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang lebih fokus dan terancang dalam memberi kepuasan kepada pelanggan. Insya’Allah Buku Pelan Strategik JPeNS 2023-2027 akan dilancarkan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan semasa Persidangan Pendakwa Syarie Seluruh Malaysia pada 14-16 Mac 2023 nanti.

## **(iii) PROJEK PENYELIDIKAN BERSAMA MAINS DAN FAKULTI UNDANG-UNDANG UKM**

Sebagaimana sedia maklum, projek penyelidikan yang dijalankan oleh Bahagian Penyelidikan Perundangan (BPP) kolaborasi bersama MAINS dan Fakulti Undang-Undang UKM hampir sampai ke penghujungnya. Laporan penyelidikan akan dibentangkan kepada pihak MAINS sekitar bulan Mei. Melalui penyelidikan ini juga satu buku akan diterbitkan dan pelancaran buku ini akan dirasmikan oleh Dato’ Seri Pengurus MAINS semasa Persidangan Pendakwa Syarie Seluruh Malaysia nanti. Adalah menjadi harapan saya hasil penyelidikan ini mampu

menyumbang kepada perkembangan perundangan syariah di Negeri Sembilan khususnya berkaitan dengan pemulihan kepada pesalah jenayah syariah.

**(iv) PENGGUNAAN APLIKASI GOOGLE CALENDAR**

Aplikasi Google Calender berkuatkuasa penggunaanya mulai 3 Januari 2023 oleh semua Pegawai dan Kakitangan JPeNS. Dengan menggunakan aplikasi ini, tarikh acara dan tarikh kes dapat dikongsi secara serentak kepada semua pegawai dan kakitangan. Di samping dapat melihat tarikh acara, pengguna yang mengakses juga menyunting maklumat padanya. Sebagai contoh, Pendakwa Syarie boleh terus mengisi Laporan Harian Kes yang telah dimuatnaik pada tarikh kes tersebut. Menariknya dengan menggunakan Google Calendar ini ia boleh diakses dengan mudah menerusi peranti seperti telefon pintar pada bila-bila masa dan di mana sahaja anda berada. Saya berharap agar semua pegawai dan kakitangan JPeNS dapat memanfaatkan penggunaan aplikasi ini sebaik mungkin.

**TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN**

**BEKERJA SEBAGAI IBADAH DENGAN MENINGKATKAN SIKAP INTEGRITI**

9. Kita sebagai khalifah Allah memegang sejumlah amanah dan tanggungjawab yang diperintah dan ditaklifkan kepada kita. Justeru, dalam melayari bahtera kehidupan, makan minum, tempat tinggal dan kenderaan untuk menyampaikan kita ke satu-satu tempat adalah memerlukan harta dan kewangan yang kukuh.

Antara cara untuk mendapatkan harta adalah melalui pekerjaan. Dengan sebab itu, dalam al-Quran al-Karim terlalu banyak perintah untuk kita bekerja seterusnya mencapai kehendak manusiawi yang kita miliki. Begitu juga pembetulan niat setiap kali kita bekerja biarlah diniatkan kerana mengikut apa yang diperintah oleh Allah. Setiap perkara harus yang dilakukan oleh seorang Mukmin dengan unsur niat, ia bertukar menjadi ibadat. Sebagai contoh, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ طَلَبَ الدُّنْيَا حَلَالًا اسْتَعْفَافًا عَنِ الْمَسْأَلَةِ ، وَسَعَى إِلَيْهِ ، وَتَعْطُّلًا عَلَى جَارِهِ ، جَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَوَجْهُهُ كَالْقَمَرِ لَيْلَةَ الْبَدْرِ

**Maksudnya:** “Barangsiapa mencari rezeki halal untuk menjaga diri daripada meminta-minta, dan dengan tujuan memenuhi nafkah keluarga, serta supaya dapat membantu tetangganya, nescaya dia akan datang pada hari Kiamat dengan wajahnya yang berseri-seri seperti bulan di malam purnama.” (Riwayat Al-Baihaqi dan Al-Tabarani)

10. Cabaran dalam melayari kehidupan khususnya ketika menjawat jawatan dalam perkhidmatan awam amatlah banyak. Justeru untuk mencapai dan merealisasikan sifat integriti yang unggul dalam pekerjaan antaranya seperti berikut:

#### **Pertama: Dengan berasaskan kepada pendekatan agama.**

Tauhid kepada Allah SWT bermaksud mengesakan Tuhan dan pada syara'nya pula bermaksud mengesakan Allah SWT dengan ibadat serta menyakini keesaan tersebut pada zat, sifat-sifat dan perbuatan-Nya.

Kepercayaan kepada agama akan meningkatkan integriti seseorang dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya.

## **Kedua: Muhasabah**

Muhasabah atau menghitung diri adalah sebahagian daripada jalan dalam mencapai *ma'rifatullah*. Muhasabah diri memerlukan persediaan hati yang penuh sedar, pemikiran yang celik dan terbuka, serta sensitif kepada bisikan-bisikan nafsu dan syaitan.

Tun Dr. Mahathir, Perdana Menteri Malaysia dalam satu amanat terakhir pada 1 Julai 2019 antara lain menyeru kepada pegawai dan kakitangan kerajaan supaya bersikap terbuka dalam menerima kritikan dan melakukan muhasabah. Sekiranya ia benar maka hendaklah diperbaiki pekerjaan dengan lebih baik.

## **Ketiga: Perubahan Minda**

Reformasi minda perlu dijadikan pendorong kepada ummah agar tidak merelakan diri diperlekehkan. Satu isyarat jelas perlu diberi kepada dunia bahawa umat Islam tidak miskin idea, bahkan tetap cekal merealisasikan aspirasi negara melalui kejayaan bertaraf dunia.

Jack Ma, seorang tokoh korporat di dunia pada masa kini pernah menyebut: Dalam mencapai kejayaan, seseorang individu atau organisasi amat memerlukan kepada tiga perkara iaitu:

- Matlamat yang jelas
- Visi yang baik
- Nilai

## **Keempat: Tekun dan Dedikasi**

Itqan (tekun) dalam bekerja bermaksud menyempurnakan atau melaksanakan satu tuntutan daripada seseorang sebagaimana yang dikehendaki oleh orang tersebut tanpa kurang sedikitpun, dengan sesempurna mungkin disertai dengan usaha yang kuat agar tidak terlewat daripada waktu yang telah ditetapkan.

Daripada Aisyah R.Anha, Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ عَزُّ وَجَلُّ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلاً أَنْ يُنْفِذَهُ

**Maksudnya:** “Sesungguhnya Allah Azza wa Jalla mencintai seseorang yang apabila dia mengerjakan sesuatu kerja, dia laksanakan dengan cemerlang.” (Riwayat al-Tabarani dan al-Baihaqi)

## **Kelima: Memelihara Waktu**

Dr. Yusuf al-Qaradhwai berkata: “Seorang mukmin hendaklah pandai menyusun dan mengaturkan masanya dalam menghadapi pelbagai tugas pekerjaan dan amalan, sama ada yang berhubungkait dengan urusan keagamaan dan keduniaan, sehingga dapat dilaksanakan dengan baik tanpa berat sebelah. Jangan sampai perkara yang kurang penting menjaskan perkara yang penting dan perkara yang penting menjaskan yang paling penting. Jangan pula perkara yang yang mesti dilakukan pada waktu tertentu terjejas disebabkan perkara yang tidak mempunyai waktu tertentu. Dengan demikian, sesuatu yang harus dilakukan dengan segera hendaklah ditunaikan terlebih dahulu. Hendaklah dikebelakangkan perkara yang bukan bersifat segera. Sesuatu yang mempunyai waktu tertentu wajib dilakukan tepat pada masanya.”

Daripada Ibn Abbas R.Anhuma, Nabi SAW bersabda:

نِعْمَتَانِ مَغْبُونٌ فِيهِمَا كَثِيرٌ مِّنَ النَّاسِ : الصِّدَّحَةُ وَالْفَرَاغُ

**Maksudnya:** “Dua kenikmatan yang kebanyakan manusia terpedaya dengan keduanya iaitu; nikmat sihat dan nikmat waktu lapang.” (Riwayat al-Bukhari, al-Nasa`i dan Ibnu Majah)

### Keenam: Sabar

Nilai sabar amat tinggi di sisi Allah SWT. Ini berdasarkan kepada banyak nas sama ada al-Quran atau hadis.

Sabar bermaksud tahan dalam menempuh suatu yang sukar. Sabar yang terpuji adalah sabar dalam mengerjakan ketaatan kepada Allah SWT, menjauhi segala maksiat yang dilarang-Nya dan sabar atas segala takdir-Nya. Tetapi di antara sifat sabar itu, sabar dalam mengerjakan taat dan meninggalkan maksiat adalah lebih utama daripada sabar atas segala takdir yang amat susah dan menggelisahkan perasaan.

### Ketujuh: Etika Akhlak

Kemuliaan akhlak merupakan matlamat utama bagi ajaran Islam sebagaimana sabda Nabi SAW:

إِنَّمَا بُعِدْتُ لَا تَمِمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

**Maksudnya:** “Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak.” (Riwayat al-Bukhari, Ahmad dan al-Baihaqi)

Justeru, marilah kita menghiasi diri kita dengan sifat-sifat mahmudah dan dengan akhlak yang unggul dalam meningkatkan mutu pekerjaan yang dilakukan.

## **TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN**

11. Pada dasarnya, dengan wujudnya iman, tauhid dan takwa terhadap Allah SWT dalam diri, maka ia sudah pasti akan memberi impak yang maksima kepada seseorang untuk menjadikan dirinya benar-benar berintegriti. Hal ini jelas terbukti pada zaman Rasulullah SAW dan generasi sahabat yang ditarbiyah dengan kekuatan hati yang beriman dan bertauhid. Mereka bukan sahaja menjadi sebaik-baik ummah, bahkan memimpin tamadun kemanusiaan mengikut acuan syariat Islamiyah. Marilah kita semua untuk sama-sama menekuni firman Allah SWT dalam Surah Al-Qasas ayat 26 :

إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَأْجَرْتَ الْقَوْيُ الْأَمِينُ

**Maksudnya:** Sesungguhnya sebaik-baik orang yang diambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah."

12. Sekali lagi saya tegaskan, dalam mentahqiqkan pekerjaan yang benar-benar cemerlang serta unggul, perlu kepada tiga perkara utama, iaitu:
  - a) Mengutamakan ‘*quality time*’ dalam pengurusan masa serta memaksimakan kerja dalam penggunaan masa. “*Hebatnya seseorang, masa yang sedikit dapat menyelesaikan banyak kerja.*”

- b) Konsisten (*istiqamah*) dalam melaksanakan tanggungjawab dan menzahirkan ketepatan dalam segenap aspek pekerjaan.
- c) Tidak bertangguh dalam melaksanakan tugas sebaliknya merancang dengan sebaik mungkin untuk menyelesaikan amanah tugas yang diberikan.

## **PENUTUP**

13. Akhir kalam, terima kasih kepada Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian kerana sudi mendengar dan memberi perhatian yang sebaiknya kepada amanat 2023 yang disampaikan sebentar tadi. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada urus setia yang bertungkus lumus menjayakan majlis pada hari ini.
14. Saya juga mengucapkan tahniah kepada penerima-penerima anugerah bagi tahun 2022. Kepada yang tidak tercalon, saya berharap supaya anda pertingkatkan lagi usaha.
15. Saya memohon ampun dan maaf jika terkasar bahasa, terkhilaf budi bicara jika ada dalam kalangan kita yang tersinggung dan sebagainya. Untuk itu saya Sudah amanat saya pada tahun ini dengan lafaz

وبالله التوفيق والهدایة

السلام عليكم